

08/09/1998

Memantapkan pemulihan ekonomi negara

PELANTIKAN Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri Kewangan Kedua, berkuat kuasa semalam membuktikan satu lagi pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memantapkan semula jentera pentadbiran kerajaan.

Pengumuman itu dibuat hampir serentak dengan pelantikan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman sebagai Gabenor Bank Negara dan Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, sebagai timbalan gabenor bank pusat itu. Pelantikan itu dilakukan segera kerana keutamaan kerajaan sekarang adalah untuk memulihkan ekonomi, mengatasi kepentingan lain. Disebabkan Belanjawan Negara 1999 akan dibentangkan tidak lama lagi, Dr Mahathir yang kini memegang jawatan Menteri Kewangan tentu mahu segala perancangan berjalan lancar.

Tanda-tanda pemulihan ekonomi semakin meyakinkan berikutan tindakan kawalan ke atas ringgit. Kedudukan ringgit juga sudah stabil dengan kadar tukarannya ditetapkan pada paras RM3.80 bagi satu dolar Amerika Syarikat. Urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga semakin meyakinkan dengan lonjakan harga beberapa hari kebelakangan ini. Segala usaha ke arah memantapkan ekonomi sudah mendapat tanda-tanda yang lebih positif.

Gangguan politik berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno, tidak seharusnya merencatkan usaha melicinkan jentera kerajaan dan mengurus ekonomi negara. Pengurusan ekonomi dan pentadbiran negara begitu mendesak. Ia memerlukan pengawasan yang teliti. Dengan mengosongkan jawatan penting akan menyebabkan pelbagai keputusan penting sukar dilakukan. Dengan terisinya semua jawatan berkenaan, segala usaha boleh dijuruskan kepada menjana semula ekonomi.

Dunia lebih ingin melihat sejauh mana Malaysia berjaya mengasingkan diri daripada pengaruh sistem pasaran bebas, sistem yang dianuti bagaikan satu kepercayaan agama, berbanding percaturan politik semasa yang dihadapi negara.

Tanda-tanda awal menunjukkan, dengan mengadakan peraturan kawalan tukaran asing dengan mengehadkan jumlah keluar-masuk wang tunai berkuat kuasa 1 Oktober, Malaysia mulai berjaya membendung gejala negatif terutama mengusir spekulator yang sebelum ini menjadi raja untuk mengacau-bilau pasaran kewangan dan bursa saham. Setakat ini, tindakan Dr Mahathir, yang pada peringkat awal dilihat menongkah arus, itu membuahkan hasil untuk mengawal segala kepincangan yang berlaku sebelum ini. Satu demi satu negara mulai akur dengan tindakan Malaysia dan tidak kurang juga negara lain yang akan mengikut langkah Malaysia. Hari ini negara-negara berkenaan mungkin mengambil sikap "tunggu dan lihat". Jika terbukti Malaysia benar, bolehlah dianggap sistem pasaran bebas mutlak tanpa sedikit pun kawalan akan kehilangan pengikut.

Tidak dapat dielakkan, tindakan Malaysia memberi kesan kepada negara jiran Singapura. Langkah kawalan ringgit menyebabkan mereka yang selama ini melonggokkan ringgit di dalam bank di republik itu kerana diberi faedah yang amat tinggi terpaksa mengeluarkan wang mereka sebelum Oktober ini.

Disebabkan ringgit tidak lagi laku diurusniagakan di luar negara, bermakna mereka yang mempunyai simpanan ringgit di luar negara, sama ada suka atau tidak, terpaksa membawa pulang wang mereka. Dianggarkan tidak kurang RM20 bilion wang Malaysia akan dibawa balik ke negara ini, sebahagian besarnya dikatakan tersimpan di Singapura. Kelewatan membawa

wang itu masuk ke negara ini hanya akan menjadikannya kertas yang tidak lagi bernilai.

Jika benar ada laporan mengatakan bank-bank Singapura membekukan pengeluaran wang, ia adalah kesan tindakan Malaysia. Jika Singapura mahu menetapkan nilai pertukaran RM4 bagi satu dolar Amerika, ia adalah percubaan kawalan yang cuba dilaksanakan. Begitu juga, jika saham-saham di Singapura menerima kesan yang begitu teruk sejak minggu lalu, ia juga menunjukkan tindakan drastik Malaysia boleh menyebabkan Singapura menghadapi bahangnya.

Berikutan penggantungan urus niaga saham syarikat Malaysia yang tersenarai di Central Limit Order Book International (Clob), menambah parah lagi keadaan di Singapura. Tindakan BSKL tidak mengiktiraf urus niaga Clob, menyebabkan saham di bursa yang dikendalikan oleh Bursa Saham Singapura (SES), menjunam begitu teruk. Firma penyelidikan antarabangsa, Vickers Ballas Investment Research sudah pun meramalkan Singapura akan merasai kesan kemelesetan sepenuhnya dalam tempoh enam bulan terakhir tahun ini.

(END)